

Putrajaya Perdana terima kontrak RM142.8 juta

KUALA LUMPUR 18 Jun – Pemaju hartanah dan binaan, Putrajaya Perdana Bhd (PPB) telah menerima kontrak membina sebuah hospital swasta dengan kapasiti 300 katil di Desa ParkCity di sini bernilai RM142.8 juta.

Kontrak itu diberikan oleh anak syarikat Perdana ParckCity Sdn. Bhd. (Perdana ParkCity), Trekker Avenue Sdn. Bhd. kepada anak syarikat PPB, Putra Perdana Construction Sdn. Bhd.

PPB dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata, projek itu meliputi sebuah bangunan enam tingkat dengan tempat meletak kereta bertingkat yang akan disiapkan April 2012.

Jelas kenyataan itu, Perdana ParkCity adalah merupakan pemaju perbandaran Desa ParkCity di sini dengan keluasan 189.2 hektar.

“Kontrak yang diperoleh ini merupakan

projek pertama PPB dalam sektor kesihatan,” kata kenyataan tersebut.

Kumpulan PPB merupakan antara penggerak pembangunan pusat pentadbiran negara di Putrajaya.

Setakat ini, Kumpulan telah mendirikan banyak kompleks dan pejabat di situ termasuk unit kediaman mewah.

Kenyataan itu menambah, PPB juga telah menjalankan beberapa projek besar di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan merupakan perintis pembinaan bangunan teknologi hijau dan jimat tenaga di negara ini.

“Antara bangunan hijau yang dibina syarikat adalah bangunan pejabat jimat tenaga untuk Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, bangunan pejabat tenaga hijau untuk Pusat Tenaga Hijau Kebangsaan dan bangunan Diamond untuk Suruhanjaya Tenaga,” ujarnya.